

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HSM 412 Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM DUA PULUH LIMA [25] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

1. Dengan merujuk kepada DOKUMEN A, jawab soalan-soalan yang berikut:
 - (a) Adakah segala isi surat-surat ini mencerminkan keadaan yang sebenarnya tentang perlantikan Tengku Hussein sebagai Sultan?
(40%)
 - (b) Bincangkan pandangan-pandangan di dalam Hikayat Abdullah dan Tuhfat-al-Nafis tentang peranan Tengku Hussein dan Temenggong Abdul Rahman berhubung dengan perjanjian 6 Februari 1891.
(30%)
 - (c) Sejauh manakah pengiktirafan Tengku Hussein sebagai Sultan oleh Raffles telah "menceraikan adik beradik, anak beranak dan sahabat handai"?
(30%)
2. Dengan merujuk kepada DOKUMEN B, jawab soalan-soalan yang berikut:
 - (a) Bincangkan latar belakang yang membawa kepada penyerahan hak milik kerajaan di Singapura oleh Sultan Hussein dan Temenggong Abdul Rahman kepada Residen John Crawfurd pada 2 hari bulan Ogos 1824.
(50%)

- (b) Berikan pendapat anda tentang pandangan Buyong Adil, "Menepatilah seperti kata peribahasa Melayu: Si Bodoh makan Si Cerdik!" tentang cara Singapura diambil langsung oleh Residen John Crawford.

(50%)

3. Dengan merujuk kepada DOKUMEN C (i) dan C (ii), jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) Bincangkan ayat di dalam Dokumen C (ii) yang berbunyi, "Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya."

(50%)

- (b) Berikan pendapat anda kenapa Mukadimah Sejarah Melayu, edisi Winstedt, Dokumen C (i) tidak menyebut nama Tun Seri Lanang sebagai pengarang/penyalin.

(50%)

4. Dengan merujuk kepada DOKUMEN D, jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) Pada pendapat anda, adakah Persetiaan 1855 adil terhadap Tengku Ali.

(40%)

- (b) Apakah penglibatan pegawai-pegawai Syarikat Hindia Inggeris dalam Persetiaan 1855 telah melanggar dasarnya tidak campur tangan di dalam hal ehwal negeri Melayu?

(30%)

- (c) Sejauh manakah Persetiaan 1855 dapat menyelesaikan konflik di antara Sultan Ali dan Temenggong Daeng Ibrahim?

(30%)

5. Dengan merujuk kepada DOKUMEN E, jawab soalan-soalan yang berikut:

(a) Pada pendapat anda, adakah Hikayat Siak atau Tuhfat-al-Nafis yang memberikan gambaran yang lebih baik tentang Raja Kecil? (40%)

(b) Pada pendapat anda, adakah wajarnya Raja Kecil memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah? (30%)

(c) Bincangkan maksud ayat yang berbunyi, "Maka seolah-olah negeri Johor itu beraja dualah pada itu adanya." (30%)

6. Dengan merujuk kepada DOKUMEN F, jawab soalan-soalan yang berikut:

(a) Sejauh manakah kekebalan Sultan Johor telah disekat oleh Perlembagaan Johor 1895 dan Tambahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (1908)? (40%)

(b) Berikan pendapat anda tentang apa anda faham dengan konsep "rule of law" yang termaktub di dalam Tambahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (1908)? (30%)

(c) Di dalam fasal 4, Tambahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (1908) ada ayat yang berbunyi: "... Sultan itu telah dilantik atas tempat yang tinggi itu oleh rakyat-rakyat negeri dengan kepercayaan mereka itu yang ia boleh menyempurnakan harapan mereka itu atasnya." Bincangkan. (30%)

DOKUMEN A

[Dipetik dari Sejarah Johor oleh Haji Buyong Adil, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, m.s. 192 - 194].

Dalam surat daripada Sultan Husain Shah (yang membahaskan dirinya Yang Dipertuan Selat) kepada adiknya Sultan Abdul Rahman (Yang Dipertuan Besar) di Lingga, demikian pula maksud ini surat itu:

Dengan kehendak Allah Ta'ala ke atas hambaNya, telah berlakulah perkara yang tidak disangka-sangka; Abang Johor yang disuruh oleh Temenggong Abdul Rahman, tengah-tengah malam telah sampai ke Riau, dan memberitahu kepadanya (Tengku Long) iaitu suatu pasukan soldadu Inggeris yang ramai dengan beberapa buah kapal mereka telah sampai ke Singapura; dengan tiada kebenaran daripada Temenggong, soldadu Inggeris itu telah naik ke darat. Oleh sebab risau dan bingung memikirkan hal itu dan hal anak lelakinya yang ada di Singapura, dengan tidak memikirkan apa-apa lagi, dan dengan tiada memberitahu lebih dahulu kepada bonda dan kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar, ia (Tengku Long) telah meninggalkan Riau pergi ke Singapura. Sebaik sahaja ia sampai di Singapura, ia telah ditemui oleh Raffles, yang telah menahannya di Singapura, lalu dilantiknya jadi Raja; dia tak dapat berbuat apa-apa lagi melainkan mengikut sahaja apa kata Raffles. Dia telah jatuh ke tangan Inggeris, yang tidak membenarkan dia meninggalkan Singapura walaupun sebentar sahaja kerana hendak mengambil anak isterinya di Riau, itu pun tidak dibenarkan oleh Raffles; Raffles hendak menghantarkan orang lain pergi mengambil anak isterinya di Riau untuk dibawa ke Singapura.

Demikianlah maksud dalam surat Sultan Husain Shah kepada adiknya Sultan Abdul Rahman di Lingga.

Tidaklah diketahui siapakah yang dikatakan oleh Sultan Husain Shah *Abang Johor* itu. Tetapi mengikut orang Inggeris mengatakan: Raffles telah memberikan wang sebanyak \$500/- tiap-tiap seorang kepada orang-orang yang bernama "Raja Embong" dan "Wan Abdullah" yang telah mengambil Tengku Long untuk

dibawa ke Singapura. Dalam *Hikayat Abdullah* pula menyebutkan: orang yang telah disuruh oleh Raffles dan Temenggong Abdul Rahman pergi mengambil Tengku Long itu bernama Raja Embong juga, pangkat saudara juga kepada Tengku Long. Oleh sebab itu dipercayai *Abang Johor* yang dikatakan oleh Sultan Husain itu ialah "Raja Embong".

Dalam surat Sultan Husain Shah (Yang Dipertuan Selat) yang membahasakan dirinya anakanda, kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau yang dibahasakannya ayahanda, demikian pula maksud isi surat itu.

Pada tengah-tengah malam Abang Johor telah memberitahu kepadanya (Tengku Long) iaitu baharu-baharu ini beberapa buah kapal telah sampai di Singapura dan telah mendaratkan soldadu-soldadunya serta alat kelengkapannya sekali. Oleh sebab sangat terkejut dan bimbang mendengar khabar yang dengan tiba-tiba sahaja telah berlaku itu, malam itu juga ia telah meninggalkan Riau dengan tiada memberitahu kepada bondanya dan kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar. Sampai di Singapura ia telah berjumpa Raffles, yang telah memaksanya tinggal di Singapura, langsung Raffles melantiknya menjadi Raja dengan gelaran Sultan Husain Shah, dan diberinya sebuah cap. Sultan Husain meminta ampun dan maaf kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar, dan ia yakin Yamtuan Muda itu akan memaafkannya sehingga dunia akhirat; dia tetap menghormati Yamtuan Muda itu. Raffles minta supaya anak isteri Sultan Husain yang tinggal di Riau itu dihantarkan oleh Raja Tua dan Ence' Saban ke Singapura; dan Ence' Saban akan menjaga semua harta pesaka daripada almarhum ayahandanya, sama ada harta yang didapati daripada cukai kapal-kapal yang datang dari negeri China, ataupun daripada pasar-pasar perniagaan orang Cina, ataupun yang didapati daripada rumah cukai, semua itu dikehendakinya kerana ia hendak membayar hutangnya dan menanggung perbelanjaan memindahkan anak isterinya ke Singapura. Pada setiap waktu Sultan Husain berserah kepada Allah dan RasulNya dan kemudian kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar.

Demikianlah maksud isi surat daripada Sultan Husain Shah dari Singapura kepada Yamtuan Muda Raja Ja'afar di Riau.

Di antara ketiga-tiga surat itu, hanya surat daripada Sultan Husain Shah kepada adiknya Sultan Abdul Rahman di Lingga itu sahaja yang didapati bertarikh, iaitu pada 20 haribulan Rabiul Akhir Tahun Hijrah 1234 (bersamaan dengan 15 hari bulan Februari tahun 1819). Surat yang lain-lain itu pun dipercayai kira-kira dalam masa itulah juga telah dikirirkan kepada tiap-tiap seorang.

Selain daripada itu, bersama-sama dengan surat-surat yang disebutkan di atas itu, Temenggong Abdul Rahman telah berkirim surat pula kepada Adriaen Koek yang pada masa itu menjadi seorang daripada ahli Majlis Mesyuarat pemerintah di Melaka. Demikian maksud isi surat itu:

SEJARAH JOHOR

Sebuah angkatan orang-orang Inggeris mengandungi tujuh buah kapal besar dan dua buah kapal kecil, dipimpin oleh Raffles dan Farquhar telah sampai ke Singapura dan semua orang di Singapura sangat terkejut. Sebelum ia (Temenggong) sempat memberitahu ke Melaka atau ke Riau, orang-orang Inggeris itu telah naik ke darat dengan alat kelengkapan mereka sekali. Oleh sebab terkejut mendengarkan banyak kapal datang ke Singapura itu, dan bimbang pula anak lelakinya yang ada di Singapura, Tengku Long telah sampai ke Singapura. Tengku Long bermesyuarat dengan Raffles, langsung dia ditahan oleh Raffles di Singapura, lalu dilantiknya Tengku Long menjadi Sultan di Singapura. Sekarang orang-orang Inggeris itu sedang mendirikan sebuah lojinya di Singapura. Penutup surat ini, Temenggong Abdul Rahman berharap persahabatannya dengan Belanda tidak akan putus selamanya.

Begitulah maksud isi surat Temenggong Abdul Rahman di Singapura yang dikirimkannya kepada Adriaen Koek di Melaka.

DOKUMEN B

(Dipetik dari Maxwell and Gibson, (peny.), Treaties and Engagements Affecting The Malay States and Borneo (London, 1924).

JOHORE, 1824

A TREATY OF FRIENDSHIP and ALLIANCE between he HONOURABLE THE ENGLISH EAST INDIA COMPANY on the one side, and their HIGHNESSES the SULTAN and TUMUNGONG of JOHORE on the other concluded on the Second day of August, One Thousand Eight Hundred and Twenty-four (1824), corresponding with the Sixth day of the month of Zulhaji, in the year of the Hejira One Thousand Two Hundred and Thirty-nine (1230), by the above Sultan of Johore. HIS HIGHNESS SULTAN HUSSAIN MAHOMED SHAH and the above TUMUNGONG of JOHORE. HIS HIGHNESS DATOO TUMUNGONG ABDUL RAHMAN SRI MAHARAJAH on their own behalf, and by JOHN CRAWFURD, ESQUIRE, British Resient of Singapore, vested with full powers thereto, by the Right Honourable WILLIAM PITT, LORD AMHERST, Governor-General of and for Fort William in Bengal, on behalf of the said HONOURABLE ENGLISH EAST INDIA COMPANY.

ARTICLE I

Peace, friendship, and good understanding shall subsist for ever between the Honourable the English East India Company and their respective heirs and successors.

ARTICLE II

Their Highnesses the Sultan Hussain Mahmod Shah and Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah heeby cede in full sovereignty and property to the Honourable he English East India Company, their heirs and successors for ever, the Island of Singapore, situated in the Straits of Malacca, together with the adjacent seas, straits and islets, to the extent of ten geographical miles, from the coast of the said main island of Singapore.

ARTICLE III

The Honourable the English East India company hereby engages, in consideration of the cession specified in the last Article, to pay to his Highness the Sultan Hussain Mohamed Shah, the sum of Spanish Dollars thirty-three thousand two hundred (33,200) together with a stipend, during his natural

life, of one thousand three hundred (1,300) Spanish Dollars per mensem, and to His Highness the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah, the sum of twenty-six thousand eight hundred (26,800) Spanish Dollars, with a monthly stipend of seven hundred (700) Spanish Dollars during his natural life.

ARTICLE IV

His Highness the Sultan Hussain Mahomed Shah hereby acknowledge to have received from the Honourable the English East India Company, in fulfilment of the stipulations of the two last Articles, the sum of thirty-three thousand two hundred (33,200) Spanish Dollars, together with the first monthly instalment of the above-mentioned stipend of Spanish Dollars one thousand three hundred (1,300) and His Highnesses the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah also hereby acknowledge to have received from the Honourable the English East India Company, in fulfilment of the stipulations of the two last Articles, the sum of twenty-six thousand eight hundred Spanish Dollars (26,800), with one month's instalment of the above stipend of seven hundred Spanish Dollars.

ARTICLE V

The Honourable the English East India Company engages to receive to treat their Highnesses the Sultan Hussain Mohamed Shah, and Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah, with all the honours, respect, and courtesy belonging to their rank and station, whenever they may reside at, or visit the Island of Singapore.

ARTICLE VI

The Honourable the English East India Company hereby engaged in the event of their Highnesses the Sultan and Tumungong, their heirs or successors, preferring to reside permanently in any portion of their own States, and to remove for that purpose from Singapore, to pay unto them, that is to say, to His Highness the Sultan Hussain Mohamed Shah, his heir or successor, the sum of twenty thousand (20,000) Spanish Dollars, and to His Highnesses the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah, his heir or successor, the sum of fifteen thousand (15,000) Spanish Dollars.

ARTICLE VII

Their Highnesses the Sultan Hussain Mohamed Shah and the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah, in consideration of the payment specified in the last Article, hereby relinquish for themselves, their heirs, and successors, to the Honourable

the English East India Company, their heirs and successors for ever, all right and title to every description of immovable property, whether in lands, houses, gardens, orchards, or timber trees, of which their said Highnesses may be possessed within the Island of Singapore or its dependencies at the time they may think proper to withdraw from the said island for the purpose of permanently residing within their own States, but it is reciprocally and clearly understood that the provisions of this Article shall not extend to any description of property which may be held by any follower of retainer of their Highnesses beyond the precincts of the ground at present allotted for the actual residence of their said Highnesses.

ARTICLE VIII

Their Highnesses the Sultan Hussain Mahomed Shah and the Dato Tumugong Abdul Rahman Sri Maharajah hereby engage that, as long as they shall continue to reside within the island of Singapore, or to draw their respective monthly stipends from the Honourable the English East India Company, as provided for in the present Treaty, they shall enter into no alliance and maintain no correspondence with any foreign power or potentate whatsoever, without the knowledge and consent of the said-Honourable the English East India Company, their heirs and Successors.

ARTICLE IX

The Honourable the English East India Company hereby engages, that, in the event of their Highnesses the Sultan Hussain Mahomed Shah and the Dato Tumugong Abdul Rahman Sri Maharajah removing from the Island of Singapore, as contemplated in the 6th Article and being distressed within their own territories on such removal, to afford them, either at Singapore or Prince of Wales Island, a personal asylum and protection.

ARTICLE X

The contracting parties hereby stipulate and agree, that neither party shall be bound to interfere in the internal concerns of the other's government, or in any political dissensions or war which may arise within their respective territories nor to support each other by force of arms against any third party whatever.

ARTICLE XI

The contracting parties hereby engage to use every means within their power respectively, for the suppression of robbery and piracy within the Straits of Malacca, as well as the other narrow seas, straits and rivers bordering upon, or within their respective territories in as far as the same shall be connected with the dominions and immediate interests of their said Highnesses.

ARTICLE XII

Their Highnesses the Sultan Hussain Mohamed Shah, and the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah hereby engage to maintain a free and unshackled trade everywhere within their dominations, and to admit the trade and traffic of the British nation into all the ports and harbours of the kingdom of Johore and its dependencies, on the terms of the most favoured nation.

ARTICLE XIII

The Honourable the English East India Company hereby engages, as long as their Highnesses the Sultan Hussain Mahomed Shah and the Dato Tumungong Abdul Rahman Sri Maharajah shall continue to reside on the island of Singapore, not to permit any retainer or follower of their said Highnesses who shall desert from their actual service, to dwell or remain in the Island of Singapore or its dependencies. But it is hereby clearly understood, that all such retainers and followers shall be natural born subjects of such parts of their Highnesses' dominions only in which their authority is at present substantially established and their names, at the period of entering the service of their Highnesses, shall have been duly and voluntarily inscribed in a register, to be kept for that purpose by the Chief local authority for the time being.

ARTICLE XIV

It is hereby mutually stipulated far and agreed, that the conditions of all former Conventions, Treaties, or Agreements entered into between the Honourable the English East India Company and their Highnesses the Sultan and Tumungong of Johore, shall be considered as abrogated and annulled by the present Treaty, and they are hereby abrogated and annulled accordingly, always, however, with the exception of such prior conditions as have conferred on the Honourable the English East India Company and right or title to the occupation or possession of the Island of Singapore and its dependencies, as above-mentioned.

Done and concluded at Singapore, the day and year as above written.

(Signed) SULTAN HUSSAIN MOHAMED SHAH.
(Signed) J. CRAWFURD
DATU TUMUNGONG ABDUL RAHMAN SRI MAHARAJAH.
(Signed) AMERST.
(Signed) EDWARD PAGET.
(Signed) F. FENDALL

Ratified by the Right Honourable the Governor-General in Council, at Fort William in Bengal, this Nineteenth day of November, One Thousand Eight Hundred and Twentyfour.

(Signed) GEO SWINTON,
Secretary to Government

DOKUMEN C (i)

[Dipetik dari Sejarah Melayu yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt (Journal, Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1938)]

THE TEXT OF RAFFLES MS. No. 18.

Bi'smi 'Llahi 'r-Rahmani 'r-Rahimi. Al-hamdu li' llahi, Rabbi al-'alamin, wa salawat wa'l-sallama 'ali Rasul Allah, salla' llahu 'alaihi wa sallama wa Sahabat ajma'in masalah sudah mēmuji Allah dan mēnguchap salawat akan Rasul Allah salla 'llahu 'alaihi wa sallama, sa-ribu dua -puluh ēsa tahun, pada tahun *du al-awal* (دوالاول) pada dua bēlas hari bulan Rabi 'u-l-awal pada hari Ahad pada waktu doha, pada zaman kērajaan Paduka Sēri Sultan 'Ala'u'd-din Ri'ayat Shah, zillu 'Llahi fi'l-'alam sēdang bērnēgēri di-Pasir Raja. Dewasa itu, bahawa Sēri Nara Wangsa yang bērnama Tun Bambang anak Shēri Agar Raja Pētani ia itu datang mēnjonjongan titah Yang Pērtuan di-Hilir fa' innahu sharrafa 'l-makana wa'z-zamana, (bahawa ia sa-nya kēmuliaan tēmpat dan zaman) waziru majalisi ahli'l-imani (dan ia pērhiasan sēgala kēdudukan orang yang bēriman) wa nur mad raja al-ta'at wa'l-ihsan (dan ia mēnērangkan sēgala tangga ta'at dan kēbajikan) zayyada fadlahu wa'l-imtinan (dan di-tambahi Allah ta'ala kira-nya dēngan kēlēbahan dan kēmurahan), wa abbada 'adlahu fi sa'iri 'l-buldan (dan di-kēkalkan kira-nya ia dēngan 'adil pada sēgala nēgēri). Dēmikian bunyi-nya titah yang maha mulia itu: "Bahawa hamba minta di-pērbuatkan (p. 2)¹ hikayat pada Bēndahara, pēraturan (فد حاری قرتورن) sēgala raja-raja Mēlayu dēngan isti'adat-nya supaya di-dēngar oleh anak chuchu kita yang kēmudian dari kita dan di-kētahui-nya-lah sēgala pērkataan, shahadan bēroleh fa'idah-lah mēreka itu dari-pada-nya." Se-tēlah fakir alladi murakkabun 'ala jahlin f'al-taksir (ya'ani fakir yang insaf akan lēmah kēadaan diri-nya dan sengkat pēngētahuan 'elmu-nya) alladi murakkab 'ala jahiliah (ya'ani yang kēndaraan atas bēbal-nya) mēnēngar titah yang maha mulia itu, maka tērjunjong-lah atas batu kēpala fakir dan bērat-lah atas sēgala anggota fakir. Maka fakir bērgunchang-lah diri fakir pada mēngusahakan, shahadan mēmohonkan taufik ka-hadlrat Tuhan sani'a'l-'alam dan kapada nabi sayyida'l-anam. Maka fakir karang-lah hikayat ini kama sami'tu min jaddi wa'abi, dan fakir himpulkan daripada sēgala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala, supaya akan mēnyukakan duli hadlrat baginda. Maka fakir nama'nya hikayat ini Sulalatu's-Salatina yaani pēraturan sēgala raja-raja. Maka barang siapa mēmbacha dia jangan lagi di-bicharakan-nya dēngan sēmpurna bichara-nya, kērana sabda Nabi (Allah) salla' llahu 'alaihi wa-sallama "Tafakkaru fi ala'i 'Llahi wa la tafakkaru fi dzati 'Llahi," ya'ani bicharakan oleh-mu pada sēgala kēbēsaran Allah dan jangan fikirkan pada dzat illah.

¹ These numbers give the paging of the MS.

DOKUMEN C (ii)

[Dipetik dari Sejarah Melayu yang diusahakan oleh W.G. Shellabear (Fajar Bakti, Kuala Lumpur)]

Bi-'smi'llahi'r-rahmani'r-rahim

AL-HAMDU *li'llahi'l-ladzi la ilaha illa huwa, wa kana fi'l-azali wa la shay'a ma'ahu.* Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan yang tiada Tuhan hanya Ia, dan adalah Ia pada azal, tiada sesuatu juapun sertaNya. *Wa huwa 'l-abadiiyyu 'l-sarmadiyyu wa la shay'a ba'dahu. Thumma khalaqa 'l khala'iqah wa la hajata lahu.* Dan ialah Tuhan yang abadi, lagi senantiasa adanya, dan tiada suatu juapun kemudianNya; maka dijadikannya segala makhluk, dan tiada hajat bagiNya. *Wa lamma arada izhara rubbuiyyatihi fa-khalaqa nura habihi; wa min dzalika 'l-nuri khalaqa 'l-anbiya's wa fara'a rutbatahu.* Maka tatkala Ia hendak menyatakan ketahuannya, maka dijadikanNya nur kekasihNya, dan daripada nur itulah dijadikan segala anbiak, dan diperangkatnya martabatnya. *Wa'stafa minhum Adama li-yuzhira nura-hu; falidzalika sajada 'l-mala'ikatu kul-luhum lahu.* Daripada anbiak itu Nabi Allah Adam supaya menyatakan nur kekasihnya; maka dari kerana itulah sujud sekalian malaikat akan dia. *Wa akhrajahu mina 'l-jannati kana fihi hikmatahu, wa tafaddala, 'alayhi bi 'l-rutbati 'l-'ulya, fa-sara fi'l-ardi khalifatahu.* Dan dikeluarkanya ia dari dalam syurga; adalah dalamnya hikmatnya, dan dianugerahinya akan dia martabat yang tinggi, maka jadilah ia akan khalifahNya di bumi. *Subhana 'lladzi tafar-rada bi 'l-uluhiyyati, wa la sharika lahu; wa yufni 'l-khala'iqah ba'da khalquhi, thumma yu'iduhu.* Maha suci bagi Allah yang tinggi ketuhanannya dan tiada sekutu baginya, dan lagi akan difanakannya segala makhluk, kemudian dijadikannya; maka dikembalikannya pula. *Ashhadu al la ilaha illa'llahu wahdahu la sharika lahu; wa ashhadu anna Muhammadan 'abduhu was rasuluhu.* Naik saksi akan bahwasanya tiada Tuhan hanya Allah, esa Ia, dan tiada sekutu bagiNya. Bahwasanya nabi Muhammad itu hambaNya lagi pesuruhNya. *Allahumma salli wa sallim 'ala sayyidina Muhammadin sahibi Liwa'i 'l-Hamdi wa maqami 'l-mahmud; wa'ala alihi wa ashabihi 'l-fa'izina bihi bi-badhli 'l-majhudi li-naili 'l-maqsud.* Ya Tuhanku, anugerahi kiranya rahmat dan

sejahtera akan penghulu kami Muhammad, yang mempunyai liwai al-hamdu, dan yang mempunyai syafaat dan rahmat Allah dan selamat atas segala sahabatnya yang berbahagia, dengan membanyakkan sehabis-habis kuasanya pada menghasilkan maksudnya, yaitu pada keredaan Allah taala.

Wa bakdahu, adapun kemudian dari itu telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya; dan pada suatu masa bahwa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar-besar bersenda gurau. Pada antara itu ada seorang orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, 'Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya.'

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota *faqir alladzi huwa murakkabun 'ala 'l-jahli* Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan, *qaddasa 'illahu Sirrahum*, Melayu bangsanya dari Bukit Siguntang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar *daru 'l-salam*. Demikian katanya: 'Tatkala *hijratu 'L-nabiyyi salla 'llahu 'alayhi wa sallama*, seribu duapuluh satu tahun, kepada tahun *Dal*, pada duabelas haribulan Rabbiul-Awwal, kepada hari Khamis, waktu *'adduha*, pada ketika Syamsu, pada zaman kerajaan marhum yang mangkat di Aceh, *Sultan 'Ala'u 'd-din Ri'ayah Shah zillu 'llahi fi'l-'alam*, anak *Sultani 'l-ajalli 'Abd il-Jalil Shah, akhi Sultan Muzaffar Shah, ibni 'l-Sultan 'Ala'i 'l-din Ri'ayah Shah, ibni 'l-Sultan Mahmud Syah*, cucu Sultan Alauddin Syah, cicit Sultan Mansor Syah, piut Sultan Muzaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah al-marhum, *khallada 'llahu mulkahu wa sultanahu, wa abbada 'adlahu wa ihsanahu*. Sedang baginda bernegeri di Pasai, dewasa itulah datang Raja Dewa Said kepada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Petani, menjunjungkan titah Yang Dipertuan di Hilir, *Sultan*

'Abdullah Ma'ayah Shah, ibni l-Sultani 'l-ajalla 'Abdi 'l-Jalil Syah: fa-innahu sharafu 'l-makani wa 'l-zaman. Maka ia sesungguhnya kemuliaan tempat dan zaman. Wa zinatumajalisa ahli 'l-iman; dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman; Wa nuru madarija 'l-ta'ati wa 'l-ihsan, dan ia menerangi segala pangkat taat dan kebajikan, Zayyadhu 'llahu 'l-fadla wa il-imnan, dan ditambahi Allah taala kiranya ia kemurahan dan kelebihan; wa abbada 'adlahu fi sa'iri 'l-buldan, dan dikekalkan Allah kiranya ia dengan adilnya pada segala negeri.

Demikian bunyi titah yang maha mulia itu, 'Bahwa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.'

Setelah *faqir alladzi huwa murakkabun 'ala 'l-jahli*, maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia; syahdan memohonkan taufik ke hadzirat Tuhan *sani'l-'l-'alam*, dan minta harap kepada nabi *sayidi 'l-anam*, dan minta ampun kepada sahabat yang *akram*. Maka fakir karanglah hikayat ini *Kama sami'tuhu min jaddi wa abi*, supaya akan menyukakan duli hadzirat baginda. Maka fakir namai hikayat itu *Sulalatu 'l-Salatin*, yakni peraturan segala raja-raja. *Hadzihi duraru 'l-lakhbar wa ghuraru 'l-amthal*, inilah mutia segala cetera dan cahaya segala periumpamaan. Maka barangsiapa membaca dia jangan dibicarakan dengan sempurna bicara; kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda *Nabi salla 'llahu 'alayhi wa sallam, Tafakkaru fi ala'i 'llah, wa la tafakkaru fi dzati 'llah*; yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada dzat Allah.

DOKUMEN D

[Dipetik dari Johor, 1855-1917 (Fajar Bakti, 1988) ms. 145-147]

PERSETIAAN ANTARA SULTAN ALI DENGAN
TENGGUNG IBRAHIM MENYERAHKAN HAKMILIK-KERAJAAN
DAN SEMUA TANAH JAJAHAN JOHOR, 10 MAC 1855*

BAHAWA inilah perjanjian sahabat bersahabat yang setiawan dan perdamaian serta muafakat antara Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah dengan Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja kerana kedua pihak yang tersebut itu adalah bersama-sama suka beselesai dan memutuskan perselisihan dan perbezaan yang selama ini telah ada jadi di antara kedua pihak yang tersebut itu dari hal masing-masing tuntutan dan mempunyai negeri dengan segala daerahnya kerajaan Johor dan lagi supaya berlebih menetapkan dan menenguhkan perdamaian dan sahabat yang setiawan dan selamat sempurnanya di antara kedua pihak yang tersebut itu dari masa ini hingga sampai selama-lamanya yang akan datang.

1. Perkara yang pertama -- Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibrahim Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja sampai kepada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudian lagi disebutkan dalam surat ini.

2. Perkara yang kedua -- Sebab kerana serahan itu bagaimana tersebut di dalam perkara yang pertama iaitu Datuk Daing Temenggung Ibrahim Seri Maharaja Ibni di mana Temenggung Ibrahim Sri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja di dalam surat ini ada berjanji membayarkan kepada waktu terbunuh tandatangan dan cap di dalam surat ini ialah wang lima ribu ringgit (\$5,000) pada Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah dan lagi dia berjanji bahawa Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya daripada dan kemudian di sehari bulan Januari pada tahun seribu lapan ratus lima puluh

* Sumber: Mohd. Said Sulaiman, Buku Teriti Johor dengan Pertambahannya, hal. 20-23.

lima (1855) iaitu mesti membayar kepada Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah sampai kepada keturunannya atau waris gantinya ialah wang lima ratus ringgit pada tiap-tiap bulan selama-lamanya (\$500).

3. Perkara yang ketiga -- Adalah Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja ada melepaskan sekalian tuntutan di atas daerah tanah Kesang ialah tanah itu di antara Sungai Kesang dan Sungai Muar dan ialah Sungai Kesang itu menjadi sempadannya sebelah utara dan Sungai Muar itu sempadan sebelah selatan dan ialah tanah itu tatkala dahulu ada di dalam daerah juga dan lagi dikabulkan Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya mempunyai dan memakai tanah itu dengan secukup-cukup kerajaan dan memilik selama-lamanya.

4. Perkara yang keempat -- Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ada berjanji di dalam ini bahawa tanah daerah Kesang yang tersebut itu tiadalah boleh diberi atau dijualkan pada siapa-siapa atau pada lain-lain raja jikalau tiada lebih dahulu ditawarkan pada East India Co. dan kemudian kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja Ibni Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya dengan sama harga dan perjanjian yang Sultan Ali Iskandar Syah Ibni Sultan Hussain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya telah sudah suka dan boleh mendapat menyerah pada siapa-siapa atau pada raja-raja yang lain yang hendak membeli itu.

5. Perkara yang kelima -- Rakyat masing-masing kedua pihak membuat perjanjian bolehlah mendapat bebas berniaga keluar masuk pada segala negeri-negeri dan daerah-daerahnya tetapi boleh menanggung hukum dari sebab salah atau dosa yang terbuat di dalam daerah Selat atau yang lain bagaimana adat istiadat dan hukum yang terpakai di tempat itu dan lagi kedua-dua pihak yang membuat perjanjian ini ada bersungguh-sungguhnya berjanji pada dirinya sendiri sampai pada keturunannya atau waris gantinya tiadalah boleh apa-apa hal sampai akan menjadi atau menimbulkan atau menghidupkan pergaduhan di dalam negeri satu pada yang lainnya melainkan dengan bersetia yang sebenar-benarnya mengikut dan memegang perjanjian demikian yang telah terbuat ini oleh asing-asing adanya.

6. Perkara yang keenam -- Kedua-dua pihak yang membuat surat perjanjian ini iaitu ada berjanji bahawa apa-apa perselisihan atau kekusutan yang kemudian akan terjadi atau terbabit di antara kedua pihak itu darihal yang tersebut di dalam perkara yang keempat dan yang kelima bolehlah diserahkan penyelesaian itu pada hukuman atau penyelesaian Government India kerana sebabnya dengan ketahu Gabenor India itu perjanjian ini di antara kedua-dua pihak ada berbuat.

7. Perkara yang ketujuh -- Tiada apa-apa yang tertulis atau tersebut dalam surat perjanjian ini boleh dikatakan atau disangkakan mengubah atau mencacatkan perkara-perkara dalam perjanjian yang dahulu ada terbuat pada dua haribulan Ogos pada tahun seribu lapan ratus dua puluh empat (1824) di antara East India Co. dengan almarhum Sultan dan almarhum Temenggung Johor adalah sahlah seperti yang tersebut ini sebab sungguh dengan nyatanya serta suka sama suka masing-masing ada membuluh tandatangan serta memeteraikan cap di bawah syarat ini di hadapan saksinya tamat termaktub surat perjanjian ini di dalam Singapura kepada sepuluh haribulan Mac pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima, (1855).

Saksi-saksi
Tandatangan
Residen Konsular, Singapura

Mohor -- Sultan Ali
Iskandar Syah Ibni
Sultan Hussain
Muhammad Syah

Mohor -- Datuk Temenggung
Daing Ibrahim Sri Maharaja
Ibni Datuk Temenggung Abdul
Rahman Sri Maharaja

DOKUMEN E

[Dipetik dari Tuhfat Al-Nafis oleh Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji (editor Virginia Matheson), Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1982]

3 Raja Kecil

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sultan Abdul Jalil di dalam negeri Johor. Sebermula adalah kira-kira sembilan belas tahun kerajaan di dalam negeri Johor yang di dalam kesenangan dan makmurnya. Maka datanglah pula dengan beberapa asbab daripada *Allah subhanahu wataala*, dengan hikmat-Nya: iaitu permulaan jalan sebab daripada Raja Kecil Siak yang di Pagar Ruyung, yang diambil anak angkat oleh Puteri Janilan itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat adalah Puteri Janilan memelihara anak Encik Pong itu, maka telah baligh diberinya nama Raja Beralih. Maka mintalah Raja Beralih itu kepada Puteri Janilan hendak mengembara melihat negeri-negeri orang, maka diberilah oleh Puteri itu. Maka Raja Beralih pun pergilah menumpang orang Minangkabau berniaga pergi-datang, hingga sampailah ke Tambang, lalu ke Kelimun Batang Hari. Kemudian lalu ia ke Rawas di hulu Palembang. Maka berjumpa dengan Sultan Lambayang, maka lalu ia perhambakan diri kepada Sultan Lambayang itu. Maka diperbuat Sultan Lambayang penjawat tepak sirihnya.

Maka tatkala Sultan Lambayang berkelahi dengan saudaranya Sultan Anum, dan Sultan Agung, iaitu bapa saudaranya, maka lalu ia keluar berlayar ke Johor. Maka Tuan Bujang itupun bersama-sama dibawanya. Maka apabila sampai Sultan Lambayang itu ke Johor maka dihormatilah oleh Sultan Abdul Jalil itu, dijamunya makan minum betapa adat istiadat raja-raja berjumpaan. Maka pada satu hari Sultan Lambayang menga-

dap Sultan Abdul Jalil di balairung seri, maka terkentutlah Sultan Lambayang itu tiada ditahannya sambil katanya 'Saya semua orang Palembang tiada jadi malu terkentut itu, kerana penyakit hendak keluar.' Maka Sultan Abdul Jalil tersenyum.

Syahadan ada kira-kira tiga hari, maka lalu ia meminang putera Sultan Abdul Jalil. Maka tiadalah diterima oleh Sultan Abdul Jalil itu. Maka Sultan Lambayang pun keluar dari Johor itu berlayar. Maka singgahlah ia di Siantan lalulah ia berbini-kan seorang perempuan bernama Mariam, anak satu tuan haji. Kemudian Tuan Bujang pun bersunat di situ. Hatta tiada berapa lama maka Sultan Lambayang pun berlayarlah ke Bangka Kota, ada kehendaknya hendak melanggar Palembang jua. Maka berkemaslah ia serta mencari fikiran dan mencari kuasa.

Syahadan kata sahibul hikayat pada masa inilah anak raja-raja Bugis itu keluar dari Siantan berlayar ke Bangka Kota itu, iaitu bersahabat berjinak-jinakan dengan Sultan Lambayang itu. Maka lalu Sultan Lambayang itu minta tolong melanggar Palembang. Syahadan Sultan Lambayang pun minta tolong kepada Belanda pula. Maka ditolong oleh Belanda itu maka alahlah Palembang itu. Maka Sultan Anum pun dibuanglah ke Belidah. Syahadan opu-opu yang lima beradik itu seorang bergelar Kelana Jaya Putera, iaitu Opu Dahing Marewah, kemudian keluar ia mengembara. Kata setengah kaul dapat nama Kelana Jaya Putera itu dari Tanah Jawa, sebab membantu Belanda melanggar Periaman, konon.

Syahadan adapun Tuan Bujang, apabila selesailah Sultan Lambayang itu menjadi raja, maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Lambayang hendak balik ke Pagar Ruyung, maka berjalanlah ia lalu ke Rawas. Maka Tuan Bujang pun berbini-kan di situ, akan anak Dipati Batu Kucing lalulah dapat anak laki-laki seorang, dinamakannya Raja Rabbiul Alam. Kemudian keluarlah ia lalulah ia ke negeri Jambi. Maka berkhidmatlah pula ia kepada Sultan Jambi yang bernama Sultan Maharaja. Maka Sultan Jambi pun berperang satu raja yang lain. Maka Tuan Bujang pun masuklah perang itu, lalu ia luka pahunya. Maka apabila sembuh lukanya maka baliklah ia ke Pagar Ruyung, berjumpa ia dengan Yamtuan Sakti dan Puteri